



# **UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI CELCOM BERHAD**

---

**(PINDAAN HINGGA 2022)**

---

KOPERASI CELCOM BERHAD  
NO. 4, JALAN KENT 5, OFF JALAN MAKTAB,  
54000, KUALA LUMPUR.

**UNDANG-UNDANG KECIL  
KOPERASI CELCOM BERHAD**

**SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL**

**BAHAGIAN I  
PERMULAAN**

Undang-undang Kecil

1. Tajuk dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Perubahan dari segi nahu, jenis, jantina dan bilangan.

**BAHAGIAN II  
NAMA, ALAMAT BERDAFTAR DAN KAWASAN OPERASI**

4. Nama.
5. Alamat.
6. Kawasan Operasi.

**BAHAGIAN III  
MATLAMAT, FUNGSI DAN AKTIVITI**

7. Matlamat.
8. Fungsi.
9. Aktiviti.

## **BAHAGIAN IV KEANGGOTAAN**

10. Anggota.
11. Kelayakan menjadi anggota.
12. Permohonan menjadi anggota.
13. Fi masuk.
14. Ikrar anggota.
15. Penerimaan menjadi anggota.
16. Perolehan hak, kewajipan dan liabiliti.
17. Pemberian Undang-undang Kecil.
18. Penamaan.
19. Liabiliti anggota.
20. Hilang kelayakan sebagai anggota.
21. Terhenti menjadi anggota.
22. Menarik diri.
23. Penggantungan dan pembuangan anggota.
24. Penyelesaian wang anggota.

**BAHAGIAN V**  
**ORGANISASI DAN PENGURUSAN KOPERASI**

25. Mesyuarat agung perwakilan
26. Pemilihan perwakilan dan urusan mesyuarat agung kawasan.
27. Mesyuarat agung perwakilan tahunan.
28. Mesyuarat agung perwakilan khas.
29. Notis mesyuarat agung perwakilan.
30. Kourum mesyuarat agung perwakilan.
31. Undi mesyuarat agung perwakilan.
32. Pembatalan dan tundaan mesyuarat agung perwakilan khas.
33. Fungsi mesyuarat agung perwakilan.
34. Pengerusi mesyuarat agung perwakilan.
35. Lembaga Koperasi.
36. Kelayakan menjadi anggota Lembaga.
37. Tempoh memegang jawatan anggota Lembaga.
38. Lucut dan penggantungan jawatan anggota Lembaga.
39. Penamatan pelantikan anggota Lembaga.
40. Mesyuarat Lembaga.
41. Kuorum mesyuarat Lembaga.
42. Urusan mesyuarat Lembaga.
43. Undi anggota Lembaga.
44. Buku minit mesyuarat Lembaga.
45. Kuasa dan kewajipan Lembaga.
46. Liabiliti anggota Lembaga.
47. Tugas pengerusi.
48. Tugas setiausaha.
49. Tugas bendahari.
50. Jawatankuasa Audit Dalaman.
51. Kelayakan menjadi Jawatankuasa Audit Dalaman.
52. Tempoh memegang jawatan Jawatankuasa Audit Dalaman.
53. Kuasa dan kewajipan Jawatankuasa Audit Dalaman.

## **BAHAGIAN VI ASET DAN WANG KOPERASI**

54. Wang dan Kumpulan Wang Koperasi.
55. Modal syer.
56. Yuran.
57. Simpanan khas, deposit atau pinjaman.
58. Pindahan syer.
59. Penyelesaian modal syer.
60. Keuntungan modal.
61. Kumpulan Wang Rizab Statutori.
62. Simpanan khas.
63. Pinjaman luar.
64. Pelaburan wang.
65. Pemberian pinjaman oleh Koperasi.
66. Pengagihan untung bersih teraudit.
67. Dividen dan potongan langganan.

## **BAHAGIAN VII AKAUN DAN AUDIT**

68. Tahunan kewangan.
69. Penyenggaraan akaun.
70. Resit-resit dan baucar.
71. Pelantikan dan kewajipan juruaudit.
72. Penyerahan buku dan dokumen untuk audit.
73. Mengemukakan penyata kewangan dan laporan kepada perwakilan.

## **BAHAGIAN VIII PELBAGAI**

74. Akaun bank.
75. Mohor Koperasi.
76. Pertukaran alamat anggota.
77. Penyediaan dokumen untuk diperiksa.
78. Penyerahan tugas.
79. Laporan oleh seseorang yang dilantik mewakili Koperasi.
80. Pelantikan Yang Dipertua dan Penasihat.
81. Pertikaian.
82. Pemeliharaan kerahsiaan.
83. Pembubaran.
84. Akta, Peraturan dan Undang-undang Kecil.
85. Undang-undang Kecil hendaklah mengikat anggota.

# UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI CELCOM BERHAD

## BAHAGIAN I PERMULAAN

### Tajuk dan mula berkuatkuasa.

1. (1) Undang-undang Kecil ini boleh dinamakan Undang-undang Kecil Koperasi Celcom Berhad.

(2) Undang-undang Kecil ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ianya didaftarkan oleh Suruhanjaya.

### Tafsiran

2. Di dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain-

“**Akta**” ertinya Akta Koperasi 1993 dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

“**anggota**” termasuklah seseorang yang turut sama dalam permohonan pendaftaran Koperasi ini dan yang telah menandatangani minit mesyuarat agung permulaan Koperasi dan seseorang yang diterima menjadi anggota mengikut Peraturan dan Undang-undang Kecil ini selepas pendaftaran, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“**arahan**” ertinya arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia kepada Koperasi dari semasa ke semasa;

**“aturan-aturan”** ertinya aturan-aturan yang dibuat oleh Lembaga dari semasa ke semasa bagi melaksanakan mana-mana aktiviti yang dijalankan oleh Koperasi tertakluk kepada peruntukan Akta Koperasi 1993, Peraturan, Undang-undang Kecil dan kelulusan mesyuarat agung perwakilan;

**“dividen”** ertinya bahagian keuntungan Koperasi ini yang dibahagikan di kalangan anggota-anggotanya mengikut kadar modal syer dan yuran yang dipegang oleh mereka, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993,

**“elaun”** ertinya saraan yang dibayar kepada seseorang anggota Lembaga atau Jawatankuasa Audit Dalaman bagi Koperasi ini sebagai balasan kerana khidmatnya yang diberikan kepada Koperasi ini secara tetap;

**“garis panduan”** ertinya garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia kepada Koperasi dari semasa ke semasa;

**“honorarium”** ertinya suatu bahagian keuntungan bersih teraudit Koperasi yang diagihkan antara beberapa atau semua anggota Lembaga sebagai balasan bagi perkhidmatan mereka yang lazimnya tidak diberi saraan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

**“kawasan operasi”** ertinya Kawasan dimana Koperasi ini dibolehkan mendapat anggotanya, sebagaimana yang ditakrifkan menurut Peraturan.

**“kesalahan boleh daftar”** ertinya kesalahan yang boleh didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Penjenayah-Penjenayah dan Orang-Orang Tidak Diingini 1969, sebagaimana yang ditakrifkan menurut Jadual Pertama dan Kedua kepada Akta itu;



**“Koperasi”** atau “Koperasi ini” ertinya Koperasi Celcom Berhad;

**“Lembaga”** ertinya badan pengelola Koperasi ini yang kepadanya pengurusan hal-ehwal Koperasi ini diamanahkan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

**“Menteri”** ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab pembagunan koperasi, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

**“pegawai”** berhubung dengan Koperasi ertinya seorang pengerusi, setiausaha, bendahari atau mana-mana anggota lain Lembaga, dan termasuklah ketua pegawai eksekutif, mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Lembaga, Peraturan atau perintah atau Undang-undang Kecil untuk memberi arahan berkenaan dengan urusan Koperasi ini, atau mana-mana pekerja, sebagaimana yang diiktirafkan menurut seksyen Akta Koperasi 1993;

**“pelantikan”** termasuklah apa-apa pelantikan atau pelantikan semula, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

**“Pegawai Eksekutif”** ertinya Pengerusi Eksekutif Suruhajaya Koperasi Malaysia, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

**“Peraturan”** ertinya peraturan-peraturan yang dibuat dibawah Akta Koperasi 1993 dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

**“perwakilan”** ertinya wakil anggota-anggota individu yang dipilih di mesyuarat peringkat Kawasan anggota-anggota Koperasi ini, bagi

menghadiri mesyuarat agung perwakilan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

**“potongan langganan”** ertinya bahagian keuntungan Koperasi ini yang dibahagikan di kalangan anggota-anggotanya mengikut kadar banyaknya perniagaan yang dilakukan oleh mereka dengan Koperasi ini dan yang daripadanya keuntungan Koperasi ini diperolehi, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Aktak Koperasi 1993;

**“prinsip koperasi”** termasuklah-

- (a) keanggotaan sukareka dan terbuka
- (b) kawalan demokratik oleh anggota;
- (c) penglibatan ekonomi oleh anggota;
- (d) autonomi dan kebebasan;
- (e) pendidikan, latihan dan maklumat;
- (f) kerjasama antara Koperasi; dan
- (g) mengambil berat terhadap masyarakat,

sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

**“pulangan”** termasuklah apa-apa bentuk sewaan, pulangan, dividen atau faedah, termasuk apa-apa fi atau hadiah, yang kena dibayar atau diberikan berhubung dengan apa-apa urusan niaga, transaksi atau surat cara, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

**“sabitan”** termasuklah sesuatu dapatan bersalah dan pembuktian kesalahan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

**“simpanan khas”** ertinya wang yang didepositkan oleh seseorang anggota dengan Koperasi ini dengan niat nyata untuk menggunakan wang yang didepositkan untuk sesuatu maksud yang dinyatakan yang

dibenarkan di bawah Peraturan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

**“subsidiari”** ertinya sesuatu syarikat, sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 1965, yang komposisi Lembaga Pengarahnya atau lebih daripada separuh kuasa mengundinya dikawal oleh Koperasi ini, atau yang lebih daripada separuh modal syer diterbitkannya dipegang oleh Koperasi ini, dan termasuklah sesuatu subsidiari, sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta itu, bagi syarikat itu, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

**“Suruhanjaya”** ertinya Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhajaya Koperasi Malaysia 2007, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

**“Syarikat”** ertinya Celcom (Malaysia) Berhad termasuklah kumpulan syarikatnya dan syarikat induknya serta kumpulan syarikatnya, dalam kumpulan syarikat Digi.Com Berhad termasuk syarikat bersekutu sama ada, sedia ada sekarang atau akan datang (selepas ini dirujuk sebagai “Kumpulan Syarikat”) yang berdaftar menurut Akta Syarikat 1965.

**“syer”** ertinya bahagian dalam modal syer Koperasi ini yang disumbangkan oleh seseorang anggota berkenaan dengan keanggotaannya dalam Koperasi ini, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

**“Tribunal Koperasi”** ertinya Tribunal Koperasi yang ditubuhkan menurut seksyen 83 Akta Koperasi 1993;

**“Undang-undang Kecil”** ertinya Undang-undang Kecil berdaftar yang dibuat oleh Koperasi ini pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan oleh Akta Koperasi 1993 dan termasuklah sesuatu pindaan

berdaftar Undang-undang Kecil, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

**“wang berlebihan”** ertinya tertakluk kepada Peraturan, wang yang melebihi amaun yang diperlukan oleh Koperasi ini bagi kegunaan segera sebagai modal kerja bagi perniagaannya, yang boleh didepositkan atau dilaburkan di luar Koperasi ini tanpa menjejaskan pengendalian perniagaan itu, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta koperasi 1993;

**“yuran”** ertinya jumlah wang yang disumbangkan pada lat-lat masa yang tetap oleh seseorang anggota berkenaan dengan keanggotaannya dalam Koperasi ini dan tidak boleh dikeluarkan kecuali menurut syarat yang ditetapkan dalam Undang-undang Kecil atau apabila tamat keanggotaannya, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993.

### **Perubahan dari segi nahu, jenis jantina dan bilangan**

**3.** (1) Jika mana-mana perkataan atau perbahasan ditakrif dalam sesuatu undang-undang bertulis, takrif itu hendaklah diperluaskan kepada segala perubahan nahu dan perbahasan kognat perkataan itu atau perbahasan yang ditakrifkan.

(2) Perkataan-perkataan dan perbahasan-perbahasan yang memaksudkan jenis lelaki meliputi perempuan.

(3) Perkataan-perkataan dan perbahasan-perbahasan dalam bilangan tunggal meliputi bilangan jamak, dan perkataan-perkataan dan perbahasan-perbahasan dalam bilangan jamak meliputi bilangan tunggal.

## **BAHAGIAN II NAMA, ALAMAT BERDAFTAR DAN KAWASAN OPERASI**

### **Nama**

4. Menurut subseksyen 7(4) dan (5) Akta, Koperasi ini hendaklah dinamakan Koperasi Celcom Berhad.

### **Alamat**

5. (1) Alamat operasi pejabat bagi Koperasi ini adalah Kopcel House, No. 4, Jalan Kent 5 Off Jalan Maktab, 54000 Kuala Lumpur.

(2) Koperasi hendaklah memberitahu kepada Suruhanjaya dalam tempoh tiga puluh hari tentang tiap-tiap pertukaran alamat menurut seksyen 11 Akta.

### **Kawasan operasi**

6. Kawasan operasi Koperasi ini ialah seluruh Malaysia.

## **BAHAGIAN II MATLAMAT, FUNGSI DAN AKTIVITI**

### **Matlamat**

7. Menurut subseksyen 4(1) Akta, matlamat Koperasi ini ialah untuk meningkatkan kepentingan ekonomi anggotanya mengikut prinsip koperasi.

## **Fungsi**

8. Fungsi utama Koperasi ini adalah kredit.

## **Aktiviti**

9. (1) Bagi mencapai matlamat dan fungsi menurut undang-undang kecil 7 amnya dan khasnya, Koperasi boleh, tertakluk kepada peruntukan Akta dan Peraturan, menjalankan aktiviti-aktiviti berikut;

- (a) mengadakan kemudahan untuk membolehkan anggota-anggota menyimpan sebahagian daripada pendapatan mereka dan memberi pinjaman-pinjaman kepada mereka bagi maksud yang berfaedah;
- (b) menjalankan aktiviti pengguna;
- (c) menjalankan aktiviti kebajikan anggota, pendidikan dan perniagaan;
- (d) membeli, menjual, memindah hak milik, mendirikan, menyewa, mencagar, memajak, menggadai dan memiliki harta alih dan harta tidak alih;
- (e) melaburkan wang berlebihan dalam perkara yang dibenarkan menurut seksyen 54 Akta;
- (f) mengadakan subsidiari menurut seksyen 19 Akta dengan kelulusan Suruhanjaya;
- (g) menyertai usahasama dan menjadi anggota kepada koperasi-koperasi lain; dan
- (h) mengadakan aktiviti lain yang berfaedah dengan kelulusan mesyuarat agung perwakilan.

(2) Bagi menjayakan aktiviti menurut fasal (1), Koperasi boleh mendapatkan-

- (a) modal dengan cara mengumpul syer, yuran, deporit, pinjaman atau simpanan khas daripada anggota; dan

(b) deposit atau pinjaman daripada bukan anggota dengan kelulusan Suruhanjaya menurut perenggan 50(e), subseksyen 52(2), seksyen 52A akta dan Peraturan.

(3) Bagi mengendalikan sesuatu aktiviti menurut fasal (1), Lembaga hendaklah membuat aturanaktiviti yang sesuai yang diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan dan satu salinan hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya dalam tempoh tiga puluh hari selepas diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan itu.

(4) Bagi melaksanakan skim berhubung dengan simpanan khas, deposit atau pinjaman, menurut Peraturan, Lembaga hendaklah-

- (a) menyediakan suratcara berasingan yang menyatakan dengan jelas terma dan syarat-syarat skim tersebut;
- (b) mengemukakan suratcara skim itu kepada mesyuarat agung perwakilan untuk kelulusan; dan
- (c) mengemukakan satu salinan suratcara yang diluluskan itu kepada Suruhanjaya dalam tempoh tiga puluh hari selepas diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan itu.

(5) Walau apa pun peruntukan undang-undang kecil ini, setiap aktiviti yang hendak dijalankan adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain.

## **BAHAGIAN II MATLAMAT, FUNGSI DAN AKTIVITI**

### **Anggota**

**10.** Anggota-anggota Koperasi ini termasuklah seseorang yang turut sama dalam permohonan mendaftarkan Koperasi ini dan yang telah menandatangani minit mesyuarat agung permulaan Koperasi dan

seseorang yang diterima menjadi anggota menurut Peraturan dan Undang-undang Kecil ini selepas pendaftaran.

### **Kelayakan menjadi anggota**

**11.** (1) Keanggotaan Koperasi ini terbuka kepada semua pekerja syarikat dan koperasi ini.

- (2) Seseorang yang ingin menjadi anggota Koperasi ini mestilah-
- (a) warganegara Malaysia;
  - (b) telah mencapai umur lapan belas tahun;
  - (c) bemastautin atau mempunyai hartanah atau bekerja dalam kawasan operasi Koperasi ini;
  - (d) seseorang anggota yang bersara atau meletakkan jawatan daripada syarikat ini boleh meneruskan dan mengekalkan keanggotaan dan mencarum yuran seperti mana yang ditetapkan oleh koperasi; dan
  - (e) bukan seorang yang terhadapnya masih berkuatkuasa suatu sabitan bagi kesalahan yang boleh daftar, atau bankrap yang belum dilepaskan, atau pernah dibuang daripada keanggotaan mana-mana koperasi dalam tempoh satu tahun.

### **Permohonan menjadi anggota**

**12.** Permohonan menjadi anggota hendaklah dibuat dalam borang rasmi Koperasi ini dan dialamatkan kepada Setiausaha Koperasi atau pegawai Koperasi yang dipertanggungjawabkan.

### **Fi masuk**

**13.** (1) Tiap-tiap permohonan menjadi anggota hendaklah disertakan dengan fi masuk sebanyak RM20.00 (Ringgit : dua puluh). Fi



masuk itu menurut perenggan 50(a) Akta akan dikembalikan kepada pemohon jika permohonan ditolak oleh Lembaga.

(2) Bekas anggota yang memohon untuk menjadi anggota semula dikenakan fi masuk sebanyak RM50.00 (Ringgit : lima puluh)

(3) Penama atau wali yang sah kepada anggota yang mati jika memohon untuk menjadi anggota dalam tempoh tiga bulan selepas kematian anggota itu, tidak dikenakan fi masuk.

(4) Semua fi hendaklah dikreditkan ke dalam akaun untung rugi.

### **Ikrar anggota**

**14.** (1) Seseorang yang memohon untuk menjadi anggota hendaklah diminta menandatangani suatu ikrar bahawa dia-

- (a) akan terikat dengan Undang-undang Kecil ini dan aturan-aturan aktiviti yang sedia ada serta apa-apa pindaan;
- (b) bukan seorang bankrap yang belum dilepaskan;
- (c) bukan seorang yang terhadapnya masih berkuatkuasa sesuatu sabitan bagi kesalahan yang boleh daftar; dan
- (d) tidak pernah dibuang daripada keanggotaan mana-mana koperasi dalam tempoh satu tahun.

(2) Mana-mana pemohon yang enggan menandatangani ikrar tersebut tidak boleh diterima menjadi anggota.

(3) Seseorang yang telah menjadi anggota dengan sebab turut sama dalam membuat permohonan bagi pendaftaran Koperasi ini dan mereka yang telah menandatangani minit mesyuarat agung permulaan Koperasi ini, dikehendaki menandatangani ikrar menurut fasal (1) dalam tempoh empat puluh lima hari selepas diterima perakuan pendaftaran

Koperasi. Kegagalan menandatangani ikrar tersebut boleh menyebabkan dia disingkir.

### **Penerimaan menjadi anggota**

**15.** Permohonan menjadi anggota hendaklah dipertimbangkan oleh Lembaga dalam mesyuaratnya yang boleh menerima atau menolak sesuatu permohonan itu tanpa menyatakan sebab-sebabnya. Seseorang yang diterima menjadi anggota hendaklah diberitahu secara bertulis dalam tempoh tidak lewat daripada tiga puluh hari selepas penerimaannya itu.

### **Perolehan hak, kewajipan dan liabiliti anggota**

**16.** Menurut seksyen 28 Akta, tiap-tiap anggota yang telah menjelaskan bayaran RM100.00 (Ringgit : satu ratus) syer boleh melaksanakan segala hak, kewajipan dan liabiliti sebagai seorang anggota, sebagaimana yang terkandung di dalam Undang-undang Kecil ini.

### **Pemberian Undang-undang Kecil**

**17.** Tiap-tiap anggota hendaklah diberi dengan percuma satu naskah Undang-undang Kecil ini. Naskah tambahan akan dikenakan bayaran. Setiap naskah tambahan akan dikenakan bayaran sebanyak RM10.00

### **Penama**

**18.** (1) Tiap-tiap Muslim hendaklah menamakan seorang wakil di sisi undang-undang untuk menerima setelah dia mati, wang yang terhak baginya di dalam Koperasi ini bagi diagihkan kepada waris yang berhak mengikut hukum Islam.

(2) Tiap-tiap anggota yang bukan Muslim hendaklah menamakan seorang atau lebih daripada seorang sebagai penama.

(3) Anggota itu boleh dari semasa ke semasa membatalkan atau menukar penamaan tersebut dan hendaklah memberitahu Koperasi akan perubahan, jika ada, mengenai penamaan itu.

(4) Penamaan hendaklah dibuat dalam borang rasmi Koperasi.

(5) Tertakluk kepada undang-undang kecil 11, seseorang penama boleh diterima menjadi anggota dan penama yang demikian itu hendaklah dianggap telah menjadi anggota mulai tarikh anggota yang digantikannya itu diterima sebagai anggota.

### **Liabiliti anggota**

**19.** (1) Liabiliti seseorang anggota hendaklah terhad kepada jumlah syer dan yuran yang dimilikinya sekiranya pendaftaran Koperasi ini dibatalkan.

(2) Liabiliti seseorang bekas anggota hendaklah tidak berterusan lebih daripada dua tahun dari tarikh keanggotaannya terhenti, menurut subseksyen 35(1) Akta.

(3) Harta pusaka seseorang anggota yang telah mati tidak bertanggung bagi hutang Koperasi ini, sebagaimana yang ada pada tarikh kematiannya, melebihi tempoh dua tahun dari tarikh kematian itu menurut subseksyen 35(2) Akta.

(4) Harta pusaka menurut fasal (3) adalah syer dan yuran dalam Koperasi ini.

### **Hilang kelayakan sebagai anggota**

**20.** Seseorang anggota akan hilang kelayakkannya sebagai anggota jika dalam tempoh menjadi anggota, dia-

- (a) tidak upaya dari segi mental;
- (b) seorang bankrap yang belum dilepaskan;
- (c) seorang yang terhadapnya masih berkuatkuasa suatu sabitan bagi kesalahan boleh daftar;
- (d) telah dibuang daripada menjadi anggota di bawah Akta ini dan suatu tempoh selama satu tahun belum lagi berlalu dari tarikh pembuangan itu;
- (e) tidak lagi bermastautin, mempunyai hartanah dan bekerja dalam kawasan operasi Koperasi.

### **Terhenti menjadi anggota**

**21.** (1) Keanggotaan seseorang terhenti atas sebab berikut;

- (a) mati;
- (b) menarik diri menurut Undang-undang Kecil 22;
- (c) dibuang menurut Undang-undang Kecil 23; atau
- (d) bersara atau berhenti daripada Syarikat atau Koperasi ini.

(2) Lembaga hendaklah menyingkir seseorang anggota yang-

- (a) didapati membuat ikrar palsu menurut undang-undang Kecil 14;
- (b) hilang kelayakan sebagai anggota menurut undang-undang Kecil 20;
- (c) terhenti keanggotaannya menurut perenggan (c) fasal (1);

- (d) gagal menjelaskan syer minimum menurut Undang-undang Kecil 55; atau
- (e) gagal menjelaskan yuran menurut undang-undang kecil 56 tiga bulan berturut-turut dengan tiada kebenaran Lembaga.

### **Menarik diri**

**22.** (1) Seseorang anggota boleh menarik diri daripada Koperasi ini dengan memberi notis bertulis enam bulan terlebih dahulu kepada Lembaga. Atas sebab yang munasabah, Lembaga boleh membenarkan penarikan diri dalam tempoh yang singkat.

(2) Melainkan tarikh lebih awal dipersetujui oleh Lembaga, maka keanggotaan anggota itu hendaklah terhenti hanya pada hari genap tempoh notisnya.

(3) Dalam tempoh notis itu, anggota yang demikian hendaklah masih mempunyai hak, kewajipan dan liabiliti seorang anggota.

(4) Caj pemprosesan sebanyak RM60.00 akan dikenakan bagi anggota yang telah menarik diri. Amaun ini akan ditolak daripada baki simpanan.

(5) Setiap permohonan untuk menarik diri akan disemak oleh Lembaga. Sekiranya akaun permohonan didapati tidak aktif, caj penyelenggaraan sebanyak RM30.00 setahun akan dikenakan atas akaun tersebut sehingga tahun yang ditetapkan.

### **Penggantungan dan pembuangan anggota**

**23.** (1) Seseorang anggota hendaklah dianggap telah bertindak memudaratkan kepentingan Koperasi dan boleh digantung

keanggotaannya jika didapati melakukan mana-mana satu daripada perkara berikut:

- (a) merujukkan pertikaian atau aduan kepada mana-mana orang selain daripada Suruhanjaya;
- (b) membuat kenyataan akhbar atau mana-mana media massa mengenai Koperasi ini tanpa kebenaran Lembaga;
- (c) membuat tuduhan palsu ke atas anggota Lembaga atau anggota atau bekas anggota atau pekerja Koperasi ini;
- (d) memburuk-burukkan Koperasi sehingga mencemarkan nama baik dan menjejaskan urusan perniagaan Koperasi ini; atau
- (e) bertindak di luar etika mesyuarat di dalam mana-mana mesyuarat sehingga menjejaskan perjalanan mesyuarat itu.

(2) Keputusan untuk menggantung keanggotaan seseorang anggota boleh dibuat oleh Lembaga hanya setelah anggota yang berkenaan itu diberitahu secara bertulis mengenai tuduhan yang jelas terhadapnya dan diberi peluang untuk menyatakan sebab mengapa keanggotannya tidak boleh digantung.

(3) Tiap-tiap kes penggantungan hendaklah dibentangkan kepada mesyuarat agung perwakilan yang terawal dan dijadikan sebagai agenda pertama, dan anggota yang digantung keanggotannya itu hendaklah diberitahu secara bertulis tidak kurang daripada lima belas hari sebelum diadakan mesyuarat, berkaitan tarikh, masa, tempat dan haknya untuk membela diri akan dijalankan di mesyuarat itu.

(4) Sebelum mengesahkan atau mengetepikan penggantungan itu, mesyuarat agung perwakilan hendaklah mendengar penjelasan anggota yang digantung oleh Lembaga itu, jika dia memilih untuk memberi penjelasan, dan keanggotannya tidak lucut melainkan jika

mesyuarat agung perwakilan dengan undi dua pertiga daripada perwakilan yang hadir membuat keputusan membuangnya.

(5) Sehingga perkara penggantungan keanggotaannya diputuskan oleh mesyuarat agung perwakilan, anggota yang berkenaan itu tidak mempunyai apa-apa hak dan kewajipan sebagai anggota melainkan hak menyuarakan hal penggantungan keanggotaannya itu dalam mesyuarat agung perwakilan.

### **Penyelesaian wang anggota**

**24.** (1) Jika seseorang anggota terhenti daripada menjadi anggota Koperasi ini menurut undang-undang kecil 21, semua wang kepunyaannya melainkan nilai syer miliknya, setelah ditolak hutangnya dengan Koperasi ini hendaklah-

- (a) sekiranya dia ditamatkan keanggotaannya, dikembalikan kepadanya dengan segera tanpa apa-apa syarat;
- (b) sekiranya dia hilang keupayaan dari segi mental dan tiada pentadbir atau pemegang amanah bagi hartanya yang telah dilantik, dikembalikan kepada sesiapa yang difikirkan wajar untuk menerima bagi pihaknya sebaik sahaja penerima itu ditentukan;
- (c) sekiranya dia mati, dikembalikan kepada penamanya atau warisnya atau wakilnya yang sah, menurut seksyen 24 Akta, disyaratkan bahawa bagi seseorang anggota Muslim, pengembalian tidak boleh dibuat melainkan kepada wakilnya yang sah atau kepada Pegawai Pentadbir Pusaka jika selepas enam bulan dari tarikh kematiannya, wakilnya yang sah tidak dapat dipastikan atau tidak dilantik;
- (d) sekiranya dia menarik diri, dikembalikan kepadanya selepas akhir tempoh notis; dan

(e) sekiranya dia tidak lagi bermastautin, mempunyai hartanah dan bekerja dalam kawasan operasi Koperasi, kembalikan kepadanya dengan sewajarnya.

(2) Penyelesaian mengenai syer seseorang yang terhenti keanggotannya sebagaimana yang ditentukan dalam akaun teraudit terakhir Koperasi ini, hendaklah tertakluk kepada peruntukan undang-undang kecil 58 dan 59.

## **BAHAGIAN V ORGANISASI DAN PENGURUSAN KOPERASI**

### **Mesyuarat agung perwakilan**

**25.** (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta, Peraturan, arahan atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa dan Undang-undang Kecil, kuasa tertinggi bagi Koperasi ini hendaklah terletak pada mesyuarat agung perwakilan, menurut seksyen 36 Akta, yang padanya tiap-tiap anggota mempunyai hak untuk hadir dan mengundi.

(2) Mesyuarat agung perwakilan hendaklah terbahagi kepada dua jenis iaitu mesyuarat agung perwakilan tahunan dan mesyuarat agung perwakilan khas.

### **Pemilihan perwakilan dan urusan mesyuarat agung Kawasan**

**26.** (1) Bagi maksud seksyen 37 Akta, Lembaga boleh menentukan Kawasan-kawasan mesyuarat dan memanggil satu mesyuarat agung di tiap-tiap kawasan untuk memilih perwakilan ke mesyuarat agung perwakilan. Setiap kawasan hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya dua puluh orang anggota.



(2) Bilangan perwakilan yang dipilih bagi sesuatu Kawasan hendaklah mengikut nisbah anggota seperti berikut:

- (a) bagi tiap-tiap dua puluh orang anggota, seorang perwakilan;
- (b) jumlah perwakilan bagi sesuatu kawasan hendaklah tidak melebihi lima orang.

(3) Notis bagi mesyuarat agung Kawasan hendaklah-

- (a) menentukan tarikh, masa, tempat dan agenda mesyuarat;
- (b) memberi kepada anggota yang layak dan tinggal dalam sesuatu Kawasan tidak kurang daripada lima belas hari sebelum diadakan mesyuarat agung itu; dan
- (c) disampaikan berasingan melalui pos atau dengan cara lain yang munasabah.

(4) Hanya anggota-anggota yang telah menjelaskan bayaran menurut undang-undang kecil 16 pada tiga bulan sebelum mesyuarat agung kawasan, berhak menerima notis untuk menghadiri mesyuarat agung kawasan dan berhak mempunyai satu undi dan layak menjadi perwakilan ke sesuatu mesyuarat agung perwakilan.

(5) Seorang perwakilan akan kekal menjadi perwakilan selagi dia menjadi anggota sehingga mesyuarat agung kawasan yang akan datang untuk memilih perwakilan-perwakilan baru. Sekiranya perwakilan itu berhenti menjadi anggota atau menarik diri menjadi perwakilan, maka hilanglah hak perwakilan kawasan yang berkenaan.

(6) Kuorum bagi mengadakan mesyuarat agung Kawasan hendaklah satu pertiga daripada jumlah anggota yang layak menerima notis mesyuarat dalam Kawasan yang berkenaan atau dua puluh orang,

mengikut mana yang kurang. Sekiranya dalam masa tiga puluh minit selepas waktu yang ditetapkan bagi mesyuarat itu, bilangan anggota yang hadir belum mencukupi kuorum, maka mesyuarat itu hendaklah dibatalkan.

(7) Lembaga kemudiannya hendaklah memanggil satu mesyuarat lain dengan memberi notis seperti yang diperuntukan menurut fasal (3). Sekiranya dalam masa tiga puluh minit selepas masa yang ditetapkan bagi mesyuarat ini, tidak hadir kuorum yang dikehendaki di bawah fasal (6), maka perwakilan tidaklah boleh dipilih dan hilanglah hak perwakilan kawasan itu.

(8) Anggota-anggota yang hadir dalam mesyuarat agung kawasan hendaklah memilih seorang pengerusi untuk mempengerusikan mesyuarat dan seorang setiausaha untuk merekodkan segala butir-butir mesyuarat. Minit mesyuarat hendaklah ditandatangani oleh pengerusi dan setiausaha mesyuarat yang dipilih oleh anggota-anggota dan hendaklah dikirimkan kepada Lembaga dalam masa tujuh hari dari tarikh mesyuarat diadakan.

(9) Seseorang anggota tidak boleh melantik wakil untuk hadir atau mengundi bagi pihaknya dalam suatu mesyuarat agung kawasan.

(10) Seseorang anggota Lembaga hendaklah-

- (a) dianggap sebagai seorang perwakilan dalam mesyuarat agung perwakilan tahunan yang diadakan;
- (b) menjadi seseorang perwakilan dalam mesyuarat agung perwakilan walaupun ia mengosongkan jawatan atau tidak dipilih sebagai Lembaga; dan
- (c) tempoh menjadi perwakilan adalah sehingga mesyuarat agung kawasan terdekat.

(11) Menurut Peraturan, mesyuarat agung kawasan hendaklah diadakan sekurang-kurangnya dua tahun sekali iaitu selewat-lewatnya satu bulan sebelum mesyuarat agung perwakilan tahunan dan hendaklah menimbangkan perkara-perkara berikut-

- (a) akaun teraudit koperasi, jika tiada, draf akaun;
- (b) belanjawan tahunan untuk dibentangkan di mesyuarat agung perwakilan tahunan Koperasi;
- (c) cadangan pindaan kepada Undang-undang Kecil Koperasi; jika ada;
- (d) melantik perwakilan ke mesyuarat agung perwakilan tahunan Koperasi; dan
- (e) usul-usul daripada Lembaga dan anggota, jika ada, untuk dikemukakan kepada Koperasi selewat-lewatnya tujuh hari sebelum mesyuarat agung perwakilan tahunan.

### **Mesyuarat agung perwakilan tahunan**

**27.** Mesyuarat agung perwakilan tahunan menurut subseksyen 39(1) Akta, hendaklah diadakan tidak lewat daripada enam bulan berakhirnya setiap tahun kewangan atau tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang diluluskan oleh Suruhanjaya.

### **Mesyuarat agung perwakilan khas**

**28.** (1) Lembaga pada bila-bila masa boleh, atau apabila ada rekuisisi yang ditandatangani oleh sekurang-kurangnya satu perlima atau satu ratus perwakilan mengikut mana yang kurang, hendaklah memanggil suatu mesyuarat agung perwakilan khas menurut subseksyen 40(1) Akta.

(2) Suruhanjaya atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Suruhanjaya menurut subseksyen 40(2) Akta, boleh memanggil pada

bila-bila masa suatu mesyuarat agung perwakilan khas, mengikut cara, masa dan tempat yang diarahkannya, dan boleh menentukan perkara-perkara yang hendaklah dibincangkan oleh mesyuarat itu, dan mesyuarat itu hendaklah mempunyai segala kuasa dan tertakluk kepada kaedah yang sama seperti mesyuarat agung perwakilan yang dipanggil menurut Akta atau Undang-undang Kecil ini.

### **Notis mesyuarat agung perwakilan**

**29.** (1) Notis bagi sesuatu mesyuarat agung perwakilan hendaklah diberi kepada perwakilan dalam tempoh tidak kurang daripada lima belas hari sebelum diadakan mesyuarat agung perwakilan itu.

(2) Notis hendaklah menentukan tarikh, masa, tempat dan agenda mesyuarat dan bagi mesyuarat agung perwakilan tahunan hendaklah disertakan-

- (a) akaun-akaun dan kunci kira-kira Koperasi ini dan subsidiarinya, jika ada, yang teraudit;
- (b) belanjawan bagi tahun kewangan yang akan datang;
- (c) laporan Lembaga;
- (d) laporan Jawatankuasa Audit Dalaman; dan
- (e) dokumen-dokumen lain berkaitan.

(3) Satu salinan notis hendaklah dipamerkan di pejabat Koperasi ini dan sebagai tambahan boleh juga diterbitkan di dalam mana-mana akhbar tempatan.

(4) Menurut seksyen 41 Akta, Lembaga hendaklah memberi kepada Suruhanjaya notis bertulis yang mengandungi maklumat berkaitan tarikh, masa, tempat dan agenda mesyuarat agung perwakilan yang akan diadakan oleh Koperasi dalam tempoh tidak kurang daripada tiga puluh hari sebelum diadakan mesyuarat agung perwakilan itu.

### **Kuorum mesyuarat agung perwakilan**

**30.** (1) Kuorum bagi sesuatu mesyuarat agung perwakilan bagi apa-apa maksud adalah seperti yang ditetapkan di bawah Peraturan.

(2) Kuorum bagi sesuatu mesyuarat agung perwakilan kerana meminda Undang-undang Kecil ini, hendaklah dua pertiga dari jumlah perwakilan, melainkan kuorum terkurang dibenarkan oleh Suruhanjaya menurut Peraturan.

(3) Bagi sesuatu mesyuarat agung perwakilan khas yang dipanggil oleh Suruhanjaya menurut fasal (2) undang-undang kecil 28 yang ditunda-

- (a) kuorum hendaklah tidak kurang daripada dua kali ganda bilangan anggota Lembaga; dan
- (b) keputusan boleh dibuat dengan kelebihan undi dua pertiga daripada perwakilan yang hadir dan layak mengundi, menurut Peraturan.

### **Undi mesyuarat agung perwakilan**

**31.** (1) Semua perbahasan kecuali yang berkaitan dengan Undang-undang Kecil hendaklah diputuskan dengan majoriti mudah undi perwakilan yang hadir sebagaimana di dalam daftar kehadiran.

(2) Jika undi sama banyak, maka usul yang diundi hendaklah disifatkan kalah. Perwakilan yang berkecuali dianggap tidak menyokong usul itu.

(3) Pengerusi mesyuarat tidak mempunyai undi pemutus.

### **Pembatalan dan tundaan mesyuarat agung perwakilan khas**

**32.** (1) Jika selepas tiga puluh minit daripada waktu yang ditetapkan bagi sesuatu mesyuarat agung perwakilan khas itu bilangan perwakilan yang hadir masih belum mencukupi kuorum, maka mesyuarat agung perwakilan itu-

- (a) dibatalkan, jika dipanggil oleh Lembaga atau atas rekuisisi perwakilan; atau
- (b) ditunda; jika dipanggil oleh Suruhajaya menurut subseksyen 40(2) Akta.

(2) Bagi mesyuarat yang ditunda menurut perenggan (b) fasal (1)-

- (a) tarikh mesyuarat tertunda hendaklah tidak kurang daripada empat belas hari tetapi tidak lebih daripada tiga puluh hari; dan
- (b) notis penundaan hendaklah diposkan dalam tempoh tujuh hari dari tarikh mesyuarat yang tertunda.

(3) Perkara-perkara yang telah dicadangkan bagi mesyuarat agung perwakilan yang ditunda hendaklah dibincangkan pada mesyuarat tertunda itu. Jika terdapat perubahan kepada perkara-perkara yang telah dicadangkan itu, notis baru menurut fasal (1) undang-undang kecil 29 hendaklah diberi kepada tiap-tiap perwakilan bagi mesyuarat tertunda itu.

### **Fungsi mesyuarat agung perwakilan**

**33.** (1) Menurut Peraturan, fungsi mesyuarat agung perwakilan hendaklah termasuk yang berikut;

- (a) mengesahkan minit mesyuarat agung perwakilan tahunan yang terdahulu dan mana-mana mesyuarat agung perwakilan khas yang berselang;
- (b) menimbang laporan-laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman;

- (c) menimbang dan meluluskan akaun-akaun teraudit Koperasi dan subsidiarinya, jika ada, bersama dengan laporan juruaudit;
- (d) memilih anggota Lembaga;
- (e) menimbang dan meluluskan belanjawan tahunan bagi tahun kewangan yang akan datang;
- (f) meluluskan elaun kepada anggota Lembaga dan saraan kepada anggota Lembaga yang dilantik sebagai pengarah bagi subsidiari Koperasi, jika ada;
- (g) meluluskan pelantikan satu panel yang terdiri daripada tidak kurang daripada dua firma audit untuk mengaudit akaun-akaun Koperasi;
- (h) menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan daripada wang berlebihan Koperasi;
- (i) menentukan had maksimum keterhutangan Koperasi;
- (j) melantik suatu jawatankuasa yang terdiri daripada enam orang perwakilan dan empat orang anggota Lembaga untuk menentusahkan draf minit mesyuarat agung perwakilan tahunan;
- (k) menimbang dan meluluskan pembahagian keuntungan;
- (l) mengisytiharkan atau menerbitkan syer bonus, jika ada;
- (m) mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa usul atau urusan lain Koperasi yang satu notis yang tidak kurang daripada tujuh hari telah diberikan;
- (n) menimbang dan meluluskan apa-apa cadangan pindaan kepada Undang-undang Kecil Koperasi, jika ada;
- (o) mendengar dan memutuskan apa-apa aduan, yang suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh hari telah dikemukakan kepada Koperasi yang telah dikemukakan oleh perwakilan yang terkilan dengan sesuatu keputusan Lembaga;

- (p) meluluskan apa-apa perbelanjaan kepada Jawatankuasa Audit Dalaman; dan
- (q) menimbang dan meluluskan apa-apa laporan yang hendak dikemukakan menurut Akta dan Peraturan, jika ada.

(2) Perkara-perkara menurut perenggan (a), (b), (c), (d) dan (e) fasal (1) hendaklah diputuskan di dalam mesyuarat agung perwakilan tahunan atau mesyuarat agung perwakilan khas yang dipanggil oleh Suruhanjaya, menurut subseksyen 40(2) Akta.

(3) Minit-minit mesyuarat agung perwakilan hendaklah direkodkan dan satu salinan hendaklah diserahkan kepada Suruhanjaya dalam tempoh tiga puluh hari selepas tarikh mesyuarat agung perwakilan itu, menurut perenggan 14(1)(b) Akta.

(4) Mesyuarat agung perwakilan boleh menamatkan pelantikan kesemua atau mana-mana anggota Lembaga dengan syarat usul secara bertulis telah diterima oleh Koperasi dalam tempoh tujuh hari sebelum mesyuarat agung perwakilan diadakan. Sebarang usul tergepar tidak dibenarkan.

### **Pengerusi mesyuarat agung perwakilan**

**34.** (1) Mesyuarat hendaklah memilih mana-mana perwakilan yang hadir untuk mempengerusikan mesyuarat agung perwakilan.

(2) Pengerusi dengan persetujuan mesyuarat boleh menangguhkan mesyuarat agung perwakilan-

- (a) dalam tempoh tujuh hari dari tarikh mesyuarat asal;
- (b) di dalam kawasan operasi Koperasi; dan
- (c) menjalankan urusan mesyuarat yang asal sahaja.



### **Lembaga koperasi**

**35.** Lembaga Koperasi hendaklah mengandungi sembilan orang yang terdiri daripada perwakilan yang dipilih oleh mesyuarat agung perwakilan, menurut seksyen 42 Akta dan perenggan (d) fasal (1) undang-undang kecil 33.

### **Kelayakan menjadi anggota Lembaga**

**36.** (1) Tiada seorang pun layak menjadi anggota Lembaga atau kekal sebagai seorang anggota Lembaga, jika dia-

- (a) telah disabitkan atas sesuatu kesalahan di bawah Akta;
- (b) telah dipecat sebagai pegawai sesuatu Koperasi;
- (c) menjadi anggota Jawatankuasa Audit Dalaman bagi Koperasi ini;
- (d) ada percanggahan kepentingan diri dalam mana-mana aktiviti yang diusahakan oleh Koperasi ini; dan
- (e) belum genap tempoh dua tahun menjadi anggota Koperasi yang telah didaftarkan melebihi dua tahun.

(2) Walau apa pun fasal (5) undang-undang kecil 18, seorang penama atau wakil yang diterima menjadi anggota yang belum genap tempoh dua tahun dari tarikh diterima menjadi anggota tidak layak untuk dipilih menjadi anggota Lembaga.

### **Tempoh memegang jawatan anggota Lembaga**

**37.** (1) Satu pertiga daripada anggota Lembaga hendaklah mengosongkan jawatan secara bergilir-gilir pada tiap-tiap mesyuarat agung perwakilan tahunan.

(2) Aturan yang ditetapkan menurut fasal (1) hendaklah diulangi bergilir-gilir tiap-tiap tahun bagi dua pertiga anggota Lembaga yang selainnya supaya pada permulaan tahun keempat atau awal daripada itu, kesemua anggota Lembaga hendaklah telah mengosongkan jawatan

masing-masing sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga tahun sebelum itu.

(3) Pelantikan seseorang anggota Lembaga yang dibuat menurut subsubperenggan 69(1)(iv)(B) Akta tidak tertakluk kepada fasal (2).

(4) Kekosongan jawatan anggota Lembaga hendaklah dalam tempoh enam puluh hari dan tarikh kekosongan itu diisi oleh Lembaga dengan melantik mana-mana perwakilan yang berkelayakan dan perkhidmatannya hendaklah tamat sehingga mesyuarat agung perwakilan akan datang.

#### **Lucut dan penggantungan jawatan anggota Lembaga.**

**38.** (1) Seseorang anggota Lembaga akan lucut jawatannya dengan serta-merta jika dia-

- (a) disabitkan atas kesalahan boleh daftar atau kesalahan menurut Akta atau Peraturan;
- (b) menerima apa-apa pelantikan tetap yang bergaji dalam Koperasi ini;
- (c) tidak hadir di dalam mesyuarat Lembaga tiga kali berturut-turut, melainkan dengan sebab-sebab yang boleh diterima oleh Lembaga yang telah dimaklumkan terlebih dahulu; atau
- (d) hilang kelayakan sebagai anggota menurut undang-undang jecil 20.

(2) Seseorang anggota Lembaga hendaklah digantung dari jawatannya jika-

- (a) sesuatu langkah perbicaraan diambil terhadap anggota itu mengenai sesuatu kesalahan boleh daftar atau sesuatu kesalahan menurut subseksyen 47(1) Akta; atau

(b) majoriti anggota Lembaga berpuas hati bahawa anggota itu telah bertindak dengan cara yang memudaratkan kepentingan Koperasi ini, menurut Peraturan.

(3) Tiap-tiap kes penggantungan menurut perenggan (b) fasal (2), hendaklah-

- (a) didengar oleh mesyuarat agung perwakilan yang terawal diadakan selepas penggantungan itu;
- (b) anggota itu telah diberitahu secara bertulis akan kesalahannya dalam masa tujuh hari sebelum diadakan mesyuarat agung perwakilan;
- (c) anggota itu diberi peluang membela diri dalam mesyuarat agung perwakilan tersebut; dan
- (d) keputusan penggantungan anggota tersebut hendaklah tertakluk kepada pengesahan atau pengetepian oleh majoriti perwakilan yang hadir di dalam mesyuarat agung perwakilan itu.

### **Penamatan pelantikan anggota Lembaga**

**39.** (1) Walau apa pun peruntukan fasal (1) undang-undang kecil 37, mesyuarat agung perwakilan mempunyai kuasa menurut Peraturan-

- (a) untuk menamatkan pelantikan mana-mana atau kesemua anggota Lembaga pada bila-bila masa; dan
- (b) memilih gantinya dengan syarat bahawa usul secara bertulis untuk menamatkan pelantikan anggota Lembaga itu hendaklah disampaikan kepada Koperasi dalam tempoh tujuh hari sebelum mesyuarat agung perwakilan itu diadakan.

(2) Keputusan untuk menamatkan pelantikan seseorang atau kesemua anggota Lembaga hanya boleh dibuat selepas mesyuarat agung perwakilan itu mendengar penjelasan anggota atau anggota Lembaga yang terlibat.

(3) Anggota yang ditamatkan pelantikannya menurut undang-undang kecil ini tidak boleh dilantik semula sehingga mesyuarat agung perwakilan tahunan yang akan datang.

### **Mesyuarat Lembaga**

**40.** (1) Mesyuarat Lembaga pertama hendaklah-

- (a) diadakan sebaik sahaja selesai mesyuarat agung perwakilan tahunan; dan
- (b) melantik di kalangan anggota Lembaga seorang pengerusi, setiausaha dan bendahari.

(2) Mesyuarat Lembaga yang berikutnya hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh satu bulan.

(3) Mesyuarat Lembaga hendaklah juga diadakan sekiranya-

- (a) Suruhanjaya mengeluarkan arahan; atau
- (b) lima orang anggota Lembaga membuat permintaan bertulis menyatakan perkara-perkara yang hendak dibincangkan.

(4) Keputusan mesyuarat anggota Lembaga adalah sah walaupun-

- (a) ketidakhadiran mana-mana Lembaga;
- (b) terdapat kecacatan yang kemudiannya diketahui dalam pelantikan atau kelayakan mana-mana Lembaga atau pembentukan Lembaga;

- (c) terdapat peninggalan, kecacatan atau salah aturan mesyuarat atau
- (d) kehadiran atau penyertaan seseorang yang bukan anggota Lembaga

(5) Lembaga boleh mengundang mana-mana orang ke mesyuarat-

- (a) untuk memberi nasihat berkenaan dengan apa-apa perkara yang dibincangkan;
- (b) orang tersebut tidak boleh mengundi; dan
- (c) boleh dibayar elaun atau perbelanjaan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(6) Semasa ketiadaan pengerusi, seorang daripada anggota Lembaga lain yang hadir boleh dipilih untuk mempengerusikan mesyuarat.

### **Kuorum mesyuarat Lembaga**

**41.** Kuorum mesyuarat Lembaga hendaklah melebihi satu perdua daripada bilangan anggota Lembaga menurut undang-undang kecil 35.

### **Kuorum mesyuarat Lembaga**

**42. Urusan mesyuarat Lembaga hendaklah termasuk yang berikut:**

- (a) mengesahkan minit mesyuarat Lembaga terdahulu;
- (b) membincangkan perkara berbangkit;
- (c) mengkaji, membincang, menimbang dan memutuskan di mana berkenaan, perkara-perkara berikut;
  - (i) keputusan-keputusan mesyuarat agung perwakilan dan menentukan tindakan-tindakan;
  - (ii) laporan Jawatankuasa Audit Dalaman;
  - (iii) laporan pengurusan;

- (iv) permohonan menjadi anggota Koperasi;
  - (v) permohonan berhenti menjadi anggota;
  - (vi) permohonan pembiayaan Islam dan kemudahan kredit daripada anggota;
  - (vii) permohonan menambah atau mengurangkan ansuran pinjaman; dan
  - (viii) permohonan menambah dan mengurangkan caruman syer atau yuran.
- (d) membentang dan meluluskan kedudukan kewangan bulanan;
- (e) mengkaji, membincang dan memutuskan cadangan projek Koperasi;
- (f) mengkaji, membincang dan memutuskan-
- (i) hal-hal perjawatan;
  - (ii) program latihan pekerja; dan
  - (iii) program pendidikan anggota.
- (g) melantik Jawatankuasa Audit Dalaman di kalangan anggota menurut undang-undang kecil 50; dan
- (h) menjalankan apa-apa urusan lain dengan memberi notis tidak kurang daripada tujuh hari.

### **Undi anggota Lembaga**

**43.** (1) Semua usul dan cadangan hendaklah diputuskan dengan majoriti mudah undi anggota Lembaga yang hadir.

(2) Jika bilangan undi sama banyak, maka usul atau cadangan yang diundi itu tidak diterima.

(3) Seseorang anggota Lembaga tidak boleh mengundi dalam perkara mengenai dirinya sendiri atau ia ada kepentingan peribadi.

(4) Seseorang anggota Lembaga yang ada kepentingan peribadi dalam perkara yang akan dipertimbangkan oleh mesyuarat hendaklah

mengisytiharkan sepenuhnya kepada Lembaga mengenai penglibatan atau kepentingannya dalam perkara itu.

### **Buku minit mesyuarat Lembaga**

**44.** (1) Segala keputusan mesyuarat Lembaga hendaklah-

- (a) diminitkan dalam tempoh tujuh hari;
- (b) ditandatangani oleh setiausaha mesyuarat itu; dan
- (c) diedarkan kepada anggota Lembaga dalam tempoh empat belas hari.

(2) Minit yang telah disahkan dalam mesyuarat berikutnya hendaklah ditandatangani oleh pengerusi mesyuarat tersebut.

(3) Minit bagi sesuatu mesyuarat Lembaga hendaklah diserahkan-

- (a) kepada Suruhanjaya menurut perenggan 14(1)(c)
- (b) dalam tempoh tiga puluh hari selepas tarikh mesyuarat itu.

### **Kuasa dan kewajipan Lembaga**

**45.** (1) Lembaga bertanggungjawab memastikan pentadbiran dan pengurusan Koperasi dikendalikan dengan teratur, menurut subseksyen 44(1) Akta.

(2) Bagi melaksanakan tanggungjawab menurut fasal (1), Lembaga hendaklah mempunyai kuasa dan kewajipan yang berikut:

- (a) melantik seorang pengerusi, setiausaha dan bendahari di kalangan anggotanya didalam mesyuarat Lembaga yang diadakan menurut perenggan (b) fasal (1) undang-undang kecil 40;

- (b) mengemukakan suatu senarai anggota Lembaga yang mengandungi butir-butir berikut:
  - (i) nama;
  - (ii) alamat kediaman;
  - (iii) nombor kad pengenalan;
  - (iv) tarikh keanggotaan;
  - (v) pekerjaan;
  - (vi) jawatan dalam Koperasi,

dalam tempoh lima belas hari selepas mesyuarat agung perwakilan tahunannya kepada Suruhanjaya menurut perenggan 14(1)(a) Akta. Apa-apa perubahan tentang butir-butir berkenaan hendaklah dimaklumkan kepada Suruhanjaya secara bertulis dalam tempoh lima belas hari dari tarikh berlalunya perubahan tersebut.

- (c) menimbang dan menerima permohonan keanggotaan;
- (d) meluluskan dan mengesahkan pemindahan dan penebusan syer anggota;
- (e) melantik-
  - (i) seorang pegawai yang bergaji tetap;
  - (ii) sebuah firma,bagi menjalankan mana-mana daripada tugas setiausaha, jika perlu, dengan syarat pegawai yang dilantik itu tidak boleh menjadi anggota Lembaga.
- (f) menyenggara akaun bagi wang yang diterima dan yang dibelanjakan atas nama Koperasi dengan benar dan betul;
- (g) menyenggara akaun bagi aset dan liabiliti Koperasi dengan benar dan betul;
- (h) membenarkan perbelanjaan, menyemak dan mengawasi semua akaun, buku, rekod serta dokumen Koperasi yang disenggara, diuruskan dengan sempurna dan kemas kini;
- (i) membentangkan kepada mesyuarat agung perwakilan tahunan-



- (i) akaun perdagangan;
- (ii) akaun untung rugi;
- (iii) apa-apa penyata sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya;
- (iv) kunci kira-kira;
- (v) laporan Lembaga menurut subseksyen 59(3);
- (vi) laporan juruaudit; dan
- (vii) pandangan Suruhanjaya tentang akaun dan kunci kira-kira, jika ada,  
bagi Koperasi dan subsidiari;
- (j) membuat perakuan pembahagian keuntungan bersih dan pengisytiharan syer bonus Koperasi, jika ada, kepada mesyuarat aung perwakilan tahunan;
- (k) mengambil tindakan sewajarnya ke atas penyata dan surat arahan Suruhanjaya atau wakilnya;
- (l) membenteng laporan Jawatankuasa Audit Dalam dalam mesyuarat agung perwakilan tahunan;
- (m) memenuhi jawatan kosong yang berlaku di dalam Lembaga, menggantung keanggotaan anggota dan anggota Lembaga serta menyingkirkan keanggotaan menurut fasal (2) undang-undang kecil 21 dan melucutkan jawatan anggota Lembaga;
- (n) memanggil mesyuarat agung perwakilan menurut Undang-undang Kecil;
- (o) membuat perjanjian bagi mendapatkan pinjaman tertakluk kepada kelulusan mesyuarat agung perwakilan;
- (p) melantik pekerja termasuk pengurus dengan mengeluarkan surat rasmi yang mengandungi terma dan syarat perkhidmatan;
- (q) bertindak atas nama dan bagi pihak Koperasi untuk melantik seseorang wakil bagi menyelesaikan segala

- pertikaian Koperasi atau menjalankan dan memberhentikan mana-mana tindakan mahkamah;
- (r) melabur wang berlebihan menurut keputusan mesyuarat agung perwakilan dan tertakluk kepada peruntukan Akta dan Peraturan;
  - (s) mengkaji dan merancang projek yang memberi manfaat kepada anggota dan Koperasi dengan melaksanakan projek mengikut keputusan mesyuarat agung perwakilan;
  - (t) melaksanakan projek dan memberi peluang kepada anggota untuk-
    - (i) mengambil bahagian dalam pelaksanaan projek; atau
    - (ii) menyumbangkan modal tambahan atau simpanan khas sebagaimana yang dipersetujui;
  - (u) memasuki perjanjian bagi pihak Koperasi dan dimeterai dengan mohor Koperasi serta ditandatangani oleh pengerusi, setiausaha dan bendahari atau orang lain yang diberi kuasa oleh lembaga;
  - (v) melantik wakil di kalangan anggotanya untuk menghadiri mesyuarat mana-mana koperasi yang dianggotainya;
  - (w) menubuhkan jawatankuasa, jika perlu, bagi menjalankan aktiviti Koperasi dengan sempurna dan mewakilkan kuasa kepadanya dari semasa ke semasa mengikut keputusan Lembaga;
  - (x) membuat aturan aktiviti dari semasa ke semasa bagi pelaksanaan aktiviti Koperasi dengan kelulusan mesyuarat agung perwakilan dan mengemukakan satu salinannya dalam tempoh tiga puluh hari kepada Suruhanjaya menurut fasal (3) undang-undang kecil 9;
  - (y) mencadangkan belanjawan termasuk elaun kepada anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman

untuk dibentangkan di mesyuarat agung perwakilan tahunan Koperasi;

- (z) mencadangkan saraan kepada anggota Lembaga yang dilantik sebagai pengarah bagi subsidiari Koperasi untuk dibentangkan di mesyuarat agung perwakilan tahunan Koperasi;
- (aa) mengawasi kecekapan, tatatertib dan daya usaha semua pegawai dan pekerja Koperasi dalam menunaikan tugas dan tanggungjawab mereka;
- (bb) memastikan kerahsiaan maklumat perniagaan Koperasi dan anggotanya terpelihara; dan
- (cc) melaksanakan tugas lain sebagaimana yang ditentukan oleh Akta, Peraturan, perintah, garis panduan, arahan Suruhanjaya, Undang-undang Kecil dan mesyuarat agung perwakilan dari semasa ke semasa.

(3) Lembaga hendaklah mengisytiharkan kepentingannya berkaitan perniagaan dengan Koperasi dan tidak mengundi atau terlibat dalam perbincangan mengenai perkara di mana dia mempunyai kepentingan.

### **Liabiliti anggota Lembaga**

**46.** Lembaga hendaklah berhemat dan bertekun seperti ahli perniagaan yang biasa dan hendaklah bertanggungjawab secara bersama dan berasingan bagi apa-apa kerugian yang ditanggung oleh Koperasi atas sebab kegagalan mereka berhemat dan bertekun sedemikian atau oleh sebab apa-apa perbuatan yang bertentangan dengan peruntukan Akta, Peraturan, perintah atau Undang-undang Kecil ini serta aturan aktiviti yang dibuat di bawahnya atau arahan mesyuarat agung perwakilannya.

### **Tugas pengerusi**

- 47.** (1) Pengerusi hendaklah menjalankan tugas berikut:
- (a) mempengerusikan semua mesyuarat Lembaga;
  - (b) menandatangani minit mesyuarat yang disahkan;
  - (c) memperakui cabutan dan salinan dari rekod Koperasi menurut Peraturan, bersama setiausaha melalui satu akuan yang bertarikh dan ditandatangani;
  - (d) memanggil sendiri atau melalui setiausaha, mesyuarat Lembaga bila perlu;
  - (e) mengarahkan Jawatankuasa Audit Dalaman supaya memeriksa buka, rekod dan dokumen pada bila-bila masa dan melaporkan kepada Lembaga;
  - (f) menandatangani permohonan pendaftaran kepada pindaan Undang-undang Kecil dan dokumen lain yang berkaitan bersama dua anggota Lembaga; dan
  - (g) Menyelia secara am pentadbiran, hal-ehwal dan pekerja Koperasi.
- (2) Tugas pengerusi menurut perenggan (a) dan (b) fasal (1) boleh diamanahkan kepada mana-man anggota Lembaga, jika perlu.

#### **Tugas setiausaha**

- 48.** (1) Setiausaha hendaklah menjalankan tugas seperti berikut:
- (a) memanggil dan menghadiri mesyuarat agung perwakilan, mesuarat Lembaga dan mesyuarat jawatankuasa dan menyampaikan segala laporan dan dokumen untuk pertimbangan mesyuarat-mesyuarat itu;
  - (b) merekodkan perjalanan dan keputusan sesuatu mesyuarat;

- (c) menyenggara dan megemaskini semua daftar anggota, daftar penama, buku dan laporan yang dikehendaki oleh Lembaga;
  - (d) menguruskan surat-menyurat sebagaimana yang diarahkan Lembaga;
  - (e) mengesahkan bersama pengerusi salinan segala perkara yang bertulis di dalam buku Koperasi;
  - (f) menyimpan dan menjaga dengan selamatnya mohor Koperasi; dan
  - (g) menjalankan tugas lain yang ditentukan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.
- (2) Mana-mana tugas setiausaha boleh diamanahkan kepada pengurus atau pekerja tertakluk kepada persetujuan Lembaga.

### **Tugas bendahari**

- 48.** (1) Bendahari hendaklah menjalankan tugas seperti berikut:
- (a) mengendalikan segala urusan perdagangan dan perindustrian Koperasi megikut dasar yang ditetapkan oleh Lembaga;
  - (b) menerima dan menjaga semua wang yang diterima oleh Koperasi dan membuat pembayaran mengikut arahan Lembaga;
  - (c) menyimpan ke dalam bank atas nama Koperasi semua wang yang diterima dalam tempoh dua puluh empat jam hari bekerja daripada penerimanya;
  - (d) mengeluarkan resit, menyediakan baucar dan surat lain mengikut arahan Lembaga;
  - (e) menyimpan dalam Akaun Wang Runcit, wang sebanyak yang diluluskan oleh Lembaga untuk memenuhi perbelanjaan runcit dan perbelanjaan yang dibuat

daripada akaun ini boleh diganti seberapa kerap yang perlu;

- (f) menyenggara dan menyimpan akaun Koperasi dengan sempurna dan kemas kini supaya dapat diperiksa pada bila-bila masa oleh pihak berkuasa yang berkenaan;
- (g) menyediakan akaun tahunan dan laporan tahunan Koperasi untuk dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga;
- (h) menyediakan belanjawan tahunan Koperasi dalam bentuk yang menunjukkan dengan jelas segala butiran pendapatandan perbelanjaan untuk ditimbang oleh Lembaga sebelum dibenangkan dalam mesyuarat agung perwakilan tahunan; dan
- (i) menyediakan penyata pendapatan dan perbelanjaan Koperasi yang benar dengan secara dibutirkan satu persatu bagi sesuatu tempoh sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga untuk dibandingkan dengan belanjawan bagi tempoh berkenaan yang telah diluluskan oleh meyuarat agung perwakilan.

(2) Mana-mana tugas bendahari boleh diamanahkan kepada pengurus atau pekerja kepada persetujuan Lembaga.

### **Jawatankuasa Audit Dalaman**

**50.** Menurut subseksyen 42A(1) Akta, Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi hendaklah mengandungi tiga orang, terdiri daripada anggota yang dilantik oleh Lembaga, menurut perenggan (g) undang-undang kecil 42.

### **Kelayakan menjadi Jawatankuasa Audit Dalaman**

**51.** Tiada seorang pun layak menjadi Jawatankuasa Audit Dalaman atau kekal sebagai Jawatankuasa Audit Dalaman jika ada-

- (a) telah disabitkan atas sesuatu kesalahan di bawah Akta;
- (b) telah dipecat sebagai seorang pegawai sesuatu koperasi; atau
- (c) menjadi anggota Lembaga Koperasi ini.

**Tempoh memegang jawatan Jawatankuasa Audit Dalaman.**

**52.** (1) Tempoh perkhidmatan semua anggota Jawatankuasa Audit Dalaman ini adalah satu tahun atau sehingga mesyuarat agung akan datang, mana yang terdahulu. Perkhidmatan mereka boleh disambung setelah diputuskan oleh mesyuarat Lembaga.

(2) Kekosongan dalam Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah diisi oleh Lembaga dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh pengosongan jawatan dengan melantik mana-mana anggota yang layak.

**Kuasa dan kewajipan Jawatankuasa Audit Dalaman**

**53.** (1) Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah mempunyai kuasa untuk memeriksa segala rekod perakaunan dan rekod lain yang berhubung secara langsung atau tidak langsung dengan Koperasi dan subsidiarinya, jika ada, bagi memastikan hal-ehwal Koperasi dijalankan mengikut matlamat penubuhan, Undang-undang Kecil serta keputusan mesyuarat agung perwakilan.

(2) Jawatankuasa Audit Dalaman mempunyai kuasa memanggil mana-mana orang yang dikehendaknya supaya mengemukakan atau menyerahkan apa-apa maklumat atau buku, akaun dan dokumen yang berkaitan.

(3) Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah menjalankan tugas seperti berikut;

- (a) memastikan adanya kuasa dan kesahan bagi segala perbelanjaan;
  - (b) memeriksa akaun-akaun Koperasi pada lat-lat masa yang tetap dan tidak boleh kurang dripada sekali dalam tempoh tiga bulan;
  - (c) memberitahu Lembaga apa-apa ketakselarasan yang berlaku dalam pengurusan Koperasi dengan sertamerta; dan
  - (d) mengemukakan kepada Lembaga laporan mengenai pengurusan dan hal-ehwal Koperasi termasuk pelanggaran terhadap Akta, Peraturan atau Undang-undang Kecil.
- (4) Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah-
- (a) bersidang tidak kurang daripada dua kali setahun; dan
  - (b) mengemukakan laporan bertulis kepada Lembaga dan Suruhanjaya.

## **BAHAGIAN VI ASET DAN WANG KOPERASI**

### **Wang dan Kumpulan Wang Koperasi**

- 54. (1)** Wang dan kumpulan wang Koperasi boleh mengandungi;
- (a) fi masuk, syer dan yuran bulanan;
  - (b) simpanan khas daripada anggota
  - (c) pinjaman atau deposit daripada anggota dan bukan anggota;
  - (d) Kumpulan Wang Rizab Statutori;
  - (e) Akaun Rizab Modal;
  - (f) Kumpulan Wang Penebus Syer;
  - (g) derma dan pemberian tertentu;
  - (h) baki keuntungan terkumpul; dan



(i) kumpulan wang lain yang diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan.

(2) Kumpulan wang Koperasi selain daripada Kumpulan Wang Rizab Statutori boleh digunakan bagi melaksanakan aktiviti menurut fasal (1) undang-undang kecil 9.

### **Modal Syer**

**55.** (1) Menurut perenggan 50(b) Akta, setiap anggota hendaklah melanggan RM100.00 (Ringgit : satu ratus) syer sebagai sumbangan minimum dan hendaklah dijelaskan dalam tempoh yang dinyatakan di bawah fasal (2). Syer minimum ini tidak boleh dikeluarkan kecuali selepas keanggotaan anggota itu tamat.

(2) Tempoh menjelaskan syer minimum menurut fasal (1) adalah sebagaimana berikut;

(a) Seseorang yang turut sama dalam permohonan pendaftaran Koperasi ini atau yang telah menandatangani mesyuarat agung permulaan hendaklah menjelaskan syernya dalam tempoh sepuluh bulan dari tarikh perakuan pendaftaran diterima oleh Koperasi; dan

(b) Seseorang yang diterima menjadi anggota mengikut undang-undang kecil 15 hendaklah menjelaskan syernya dalam tempoh sepuluh bulan dari tarikh penerimaannya sebagai anggota.

### **Yuran**

**56.** Yuran bulanan anggota seperti yang diperuntukan menurut perenggan 50(c) Akta hendaklah sekurang-kurangnya RM30.00 (Ringgit : tiga puluh) sebulan. Tiap-tiap anggota boleh membuat bayaran yuran

yang lebih megikut aturan jimat-cermat dan pinjam-meminjam yang buat oleh Lembaga dengan kelulusan mesyuarat agung perwakilan.

### **Simpanan khas, deposit atau pinjaman**

**57.** (1) Koperasi boleh menerima daripada anggotanya-

- (a) simpanan khas seperti yang ditetapkan dalam aturan-aturannya dan wang ini boleh dikeluarkan dari semasa ke semasa; atau
- (b) deposit dan pinjaman.

(2) Koperasi boleh, dengan kelulusan Suruhanjaya, menerima deposit atau pinjaman daripada bukan anggota Koperasi.

(3) Fasal (2) tidak terpakai pada deposit atau pinjaman yang diberikan oleh kerajaan.

(4) Pada setiap mesyuarat agung perwakilan tahunan, Koperasi hendaklah-

- (a) memberitahu perwakilannya mengenai pinjaman daripada anggota menurut subseksyen 52(3) Akta; dan
- (b) menetapkan had maksimum keterhutangan yang sedia ada dan yang baru akan ditanggung dalam tahun akan datang.

### **Pindahan syer**

**58.** (1) Seseorang anggota boleh memindahkan syernya yang melebihi sumbangan minimum menurut fasal (1) undang-undang kecil 55 kepada anggota lain dengan menandatangani borang pemindahan syer.

(2) Pindahan syer tersebut hanya akan berkuatkuasa setelah didaftarkan oleh Koperasi.

(3) Syer seseorang anggota yang mati boleh dipindahkan kepada penama. Bagi anggota Muslim, pemindahan tersebut hendaklah menurut fasal (1) undang-undang kecil 18.

(4) Pemindahan syer tersebut hendaklah dibuat dalam tempoh enam bulan selepas kematian anggota itu.

### **Penyelesaian modal syer**

**59.** (1) Jika pemindahan syer tidak dapat dibuat menurut undang-undang kecil 58, bagi seseorang anggota yang tamat keanggotannya oleh apa-apa sebab jua pun, maka syernya yang diperihalkan di dalam undang-undang kecil itu boleh dikeluarkan menurut fasal (2).

(2) Syer boleh ditebus dari Kumpulan Wang Penebus Syer dan Kumpulan Wang Rizab Statutori tertakluk kepada Peraturan. Nilai tebusan syer ini hendaklah mengikut sebagaimana yang ditunjukkan dalam akaun teraudit terakhir bagi Koperasi akan tetapi tidak boleh melebihi nilai asalnya.

(3) Syer yang ditebus menurut fasal (2) boleh jika diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan, diterbitkan semula sebagai syer bonus.

### **Keuntungan modal**

**60.** (1) Menurut subseksyen 55(1) Akta, semua keuntungan modal yang diperolehi daripada perkara-perkara berikut hendaklah dikreditkan ke Akaun Rizab Modal-

- (a) penjualan tanah dan bangunan, atau kedua-duanya sebagai aset tetap; dan
- (b) penilaian semula tanah dan bangunan, atau kedua-duanya, sebagai aset tetap, dengan kelulusan Suruhanjaya.

(2) Keuntungan modal menurut perenggan (a) fasal (1) boleh, jika diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan, digunakan bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:

- (a) penerbitan syer bonus;
- (b) penghapus kira kerugian terkumpul;
- (c) penghapus kira kerugian modal; dan
- (d) pewujudan suatu Kumpulan Wang Penebus Syer Bonus.

(3) Syer bonus boleh diterbitkan menurut Peraturan berasaskan kepada-

- (a) jumlah syer yang dipegang oleh tiap-tiap anggota; atau
- (b) penerbitan semula daripada syer bonus yang ditebus, dengan syarat:
  - (i) syer menurut perenggan (a) dan (b), dipegang dalam tempoh masa dua belas bulan sebelum tarikh pengisytiharan syer bonus;
  - (ii) nama anggota yang akan menerima syer itu ada dalam daftar Koperasi pada tarikh pengisytiharan syer bonus itu;
  - (iii) semua kerugian terkumpul dan semasa telag dihapus kira; dan
  - (iv) buku dan rekod Koperasi telah disenggara dengan memuaskan menurut pendapat Suruhanjaya.

(4) Syer bonus yang diterbitkan daripada keuntungan modal menurut perenggan (b) fasal (1) boleh dengan kelulusan Lembaga-

- (a) dipindahkan kepada anggota lain Koperasi ini; atau
- (b) dikeluarkan dalam hal anggota yang mati.

(5) Pemindahan atau pengeluaran menurut fasal (4) dibayar daripada Kumpulan Wang Penebus Syer Bonus Koperasi.

### **Kumpulan Wang Rizab Statutori**

**61.** (1) Menurut subseksyen 57(1) Akta, Koperasi ini hendaklah menenggarakan satu Kumpulan Wang Rizab Statutori.

(2) Koperasi hendaklah memindahkan suatu jumlah wang ke Kumpulan Wang Rizab Statutori berdasarkan jadual di bawah:

<b>Jumlah Terkumpul Kumpulan Wang Rizab Statutori</b>	<b>Jumlah Pindahan</b>
Kurang daripada 50% daripada syer dan yuran	Tidak kurang 25% daripada untung bersih teraudit
50% tetapi kurang daripada 100% daripada syer dan yuran	Tidak kurang 15% daripada untung bersih teraudit

(3) Kumpulan Wang Rizab Statutori tidak boleh dibahagi dan tidak seorang pun anggota berhak untuk menuntut suatu bahagian tertentu daripadanya.

(4) Koperasi boleh membuat pembayaran balik syer dan yuran daripada Kumpulan Wang Rizab Statutori, dan pada setiap masa baki dalam kumpulan wang tersebut hendaklah tidak kurang daripada lima belas peratus daripada jumlah syer dan yuran Koperasi berkenaan.

### **Simpanan khas**

**62.** Menurut perenggan 50(d) Akta, Koperasi boleh menerima simpanan khas tertakluk kepada terma dan syarat-syarat yang dibuat menurut fasal (4) undang-undang kecil 9.

### **Pinjaman luar**

**63.** (1) Tertakluk kepada subseksyen 52(2), seksyen 52A Akta dan Peraturan, Koperasi boleh, dengan kelulusan Suruhanjaya, meminjam wang daripada bukan anggota Koperasi.

(2) Koperasi hendaklah memaklumkan kepada anggotanya mengenai pinjaman menurut fasal (1) pada mesyuarat agung perwakilan tahunannya.

### **Pelaburan wang**

**64.** (1) Wang berlebihan Koperasi boleh dilabur tertakluk kepada peruntukan seksyen 54 Akta dan Peraturan.

(2) Had maksimum yang boleh dilaburkan oleh Koperasi bagi sesuatu maksud hendaklah ditentukan oleh mesyuarat agung perwakilan.

### **Pemberian pinjaman oleh Koperasi**

**64.** Menurut seksyen 51 Akta, Koperasi boleh memberi apa-apa pembiayaan Islam atau kemudahan kredit lain kepada-

- (a) anggotanya, tertakluk kepada terma dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam aturan yang diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan;
- (b) pekerjaanya, termasuk ketua pegawai eksekutif tertakluk kepada terma dan syarat-syarat gunakhidmat mereka; atau
- (c) subsidiarinya atau koperasi lain, tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya.

### **Pengagihan untung bersih teraudit**

**66.** (1) Keuntungan bersih teraudit Koperasi seperti yang ditunjukkan dalam akaun untung rugi menurut seksyen 56 Akta, hendaklah diagihkan, tertakluk kepada seksyen 57 Akta, seperti berikut:

- (a) sebanyak mana yang ditentukan menurut fasal (2) undang-undang kecil 61 kepada Kumpulan Wang Rizab Statutori; dan
- (b) sebanyak mana yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh Suruhanjaya dibayar kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi.

Disyaratkan bahawa menurut subseksyen 57(4) Akta, boleh ditolak apa-apa bayaran yang dibuat menurut perenggan (b) fasal (1) daripada jumlah wang menurut perenggan (a) fasal (1).

(2) Selepas pengagihan menurut fasal (1), dan peruntukan cukai pendapatan, jika ada, baki untung bersih teraudit, termasuk baki keuntungan yang belum dibahagikan menurut subseksyen 57(5) Akta, boleh digunakan bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:

- (a) pembayaran potongan langganan;
- (b) pembayaran dividen atas syer dan yuran anggota sebagaimana yang ditentukan oleh arahan atau garis panduan;
- (c) pembayaran honorarium kepada anggota Lembaga yang tidak boleh, bagaimanapun, melebihi jumlah wang yang disyorkan oleh mesyuarat agung perwakilan tahunan dan diluluskan oleh Suruhanjaya; atau
- (d) pembayaran untuk kebajikan anggotanya dan masyarakat.

(3) Pembayaran dividen daripada mana-mana sumber selain untung bersih teraudit bagi tahun kewangan itu tidak boleh dibuat kecuali dengan mendapat kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Suruhanjaya, yang tidak boleh dalam mana-mana hal melebihi apa-apa kadar maksimum sebagaimana yang ditentukan dalam arahan atau garis panduan.

(4) Menurut subseksyen 57(7) Akta, bayaran kepada perkara-perkara menurut perenggan (b) fasal (1), fasal (2) dan (3), boleh dibuat hanya jika semua kerugian terkumpul telah dihapuskan sepenuhnya.

(5) Dengan kelulusan Suruhanjaya, Koperasi boleh, sekiranya kerugian terkumpul tidak dihapuskan sepenuhnya, menggunakan untung bersih terauditnya untuk pembayaran dividen kepada anggotanya yang tidak boleh melebihi lima peratus daripada jumlah syer atau yuran anggota atau kedua-duanya, menurut subseksyen 57(8) Akta.

### **Dividen dan potongan langganan**

**67.** (1) Kadar dividen yang dibayar atas syer dan yuran kepunyaan seseorang anggota pada enam bulan sebelum akhir tahun kewangan menurut Peraturan, hendaklah tidak melebihi sepuluh peratus kecuali dengan kelulusan Suruhanjaya. Seseorang yang namanya tidak ada di dalam daftar nama anggota Koperasi pada tarikh akhir tahun kewangan yang berkenaan tidak layak menerima dividen.

(2) Dividen hendaklah dikreditkan ke akaun modal yuran anggota sekiranya anggota itu tidak meminta dibayar kepadanya secara tunai dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh dividen itu diisytiharkan.



(3) Potongan langganan boleh diberi hanya jika langganan seseorang anggota tidak kurang daripada RM1,000.00 (Ringgit : seribu) dalam tahun kewangan berkenaan.

## **BAHAGIAN VII AKAUN DAN AUDIT**

### **Tahun kewangan**

**68.** Tahun kewangan Koperasi ini boleh bermula pada satu haribulan Januari dan berakhir pada tiga puluh satu haribulan Disember setiap tahun.

### **Penyenggaraan akaun**

**69.** (1) Menurut seksyen 58 Akta, Lembaga hendaklah menyenggara dengan sempurna dan kemaskini rekod-tekod perakaunan dan rekod-rekod lain mengenai tiap-tiap transaksi dan kedudukan kewangan Koperasi dan subsidiarinya, jika ada, yang berkaitan dengan-

- (a) asset tetap, pelaburan dan deposit;
- (b) syer, yuran serta simpanan khas yang dicarum oleh anggota; dan
- (c) aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

(2) Catatan dalam rekod perakaunan dan rekod-rekod lain menurut fasal (1) hendaklah dibuat dengan seberapa segera tetapi tidak lewat daripada tiga puluh hari dari selesai sesuatu transaksi, menurut subseksyen 58(2) Akta.

(3) Penyediaan akaun-akaun iaitu akaun perdagangan, untung rugi dan kunci kira-kira hendaklah dibuat dengan seberapa segera tetapi

tidak lewat daripada duan bulan selepas tamatnya tahun kewangan supaya dapat diaudit.

(4) Akaun-akaun menurut fasal (3) yang telah diaudit hendaklah dibentangkan di dalam mesyuarat agung perwakilan tidak lewat daripada enam bulan selepas tamatnya tahun kewangan itu.

- (5) Rekod perakaunan menurut fasal (1) hendaklah disimpan-
- (a) di pejabat berdaftar Koperasi pada sepanjang masa atau di mana-mana tempat lain yang difikirkan patut oleh Lembaga, menurut subseksyen 58(4) Akta; dan
  - (b) selama enam tahun selepas diaudit menurut Peraturan.

(6) Rekod-rekod ini boleh diperiksa oleh anggota pada bila-bila masa mengikut syarat-syarat pemeriksaan yang ditetapkan oleh Lembaga.

(7) Lembaga boleh melantik mana-mana individu atau firma untuk mengemaskini rekod perakaunan bagi memastikan rekod tersebut dapat diaudit dalam tempoh yan ditetapkan.

(8) Suruhanjaya boleh, menurut subseksyen 58(5) Akta, dalam kes-kes tertentu memerintahkan supaya rekod-rekod perakaunan Koperasi diserahkan untuk diperikssa oleh seseorang juruaudit yang bertindak bagi pihak seseorang anggota atau pegawai.

(9) Suatu senarai terperinci butir-butir perbelanjaan Lembaga dan bayaran kepada atau bagi pihak anggota individu Lembaga dan jawatankuasa hendaklah dimasukkan dalam nota kepada akaun untung rugi Koperasi, menurut Peraturan.

### **Resit-resit dan baucar**

**70.** (1) Resit-resit Koperasi hendaklah dikeluarkan bagi semua wang atau penerimaan lain seperti cek dan wang pos yang diterima. Resit-resit itu hendaklah ditandatangani oleh bendahari atau pegawai yang diberi kuasa oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

(2) Baucar hendaklah disediakan bagi setiap pembayaran yang dibuat oleh Koperasi. Baucar tersebut hendaklah ditandatangani atau diluluskan oleh bendahari atau pengurus serta disahkan oleh pegawai yang diberi kuasa oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

### **Pelantikan dan kewajipan juruaudit**

**71.** (1) Lembaga hendaklah melantik seorang juruaudit yang diluluskan oleh Suruhanjaya bagi mengaudit akaun Koperasi, menurut perenggan 60(1)(a) Akta.

(2) Juruaudit yang dilantik menurut fasal (1) hendaklah dipilih oleh meyyuarat Lembaga daripada panel yang diluluskan oleh mesyyuarat agung perwakilan dan mengemukakan satu salinan suratcara pelantikan kepada Suruhanjaya, menurut Peraturan.

(3) Juruaudit berkewajipan untuk mengaudit akaun dan rekod Koperasi dan hendaklah memberi laporan mengenai penyata kewangan yang dikemukakan oleh Koperasi selepas berakhirnya tahun kewangan itu untuk perhatian Suruhanjaya serta anggota Koperasi, menurut seksyen 63 Akta.

### **Penyerahan buku dan dokumen untuk diaudit**

**72.** Menurut peraturan, suatu senarai buku dan dokumen Koperasi hendaklah disediakan oleh Koperasi dan diserahkan kepada juruaudit

untuk ditandatangani sebagai pengakuan penerimaannya. Sesalinan senarai itu hendaklah disimpan oleh Koperasi.

### **Mengemukakan penyata kewangan dan laporan kepada perwakilan**

**73.** Satu salinan penyata berikut hendaklah disampaikan kepada tiap-tiap perwakilan tidak lewat daripada lima belas hari sebelum mesyuarat agung perwakilan-

- (a) akaun perdagangan;
- (b) akaun untung rugi;
- (c) apa-apa penyata sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya;
- (d) kunci kira-kira dan laporan Lembaga mengenai kedudukan hal-ehwal Koperasi dan subsidiari yang telah dikemukakan untuk mendapat pandangan Suruhanjaya, menurut subseksyen 59(2) Akta;
- (e) laporan juruaudit; dan
- (f) laporan Jawatankuasa Audit Dalaman.

## **BAHAGIAN VIII**

### **PELBAGAI**

#### **Akaun bank**

**74.** Akaun bank bagi Koperasi hendaklah diuruskan oleh mana-mana orang iaitu pengerusi atau setiausaha dan bendahari atau dua orang pegawai lain yang diberi kuasa oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

### **Mohor Koperasi**

**75.** (1) Koperasi hendaklah mempunyai satu mohor. Mohor ini tidak boleh dimeterai di atas mana-mana surat melainkan dengan keputusan Lembaga. Pengerusi, setiausaha dan bendahari atau pegawai-pegawai lain yang diberi kuasa oleh Lembaga dikehendaki menurunkan tandatangan mereka di atas tiap-tiap surat yang hendak dimeteraikan.

### **Pertukaran alamat anggota**

**76.** Tiap-tiap anggota hendaklah memberitahu setiausaha akan pertukaran alamatnya dalam tempoh tiga puluh hari. Semua surat kepada anggota yang dihantar dengan pos atau dikirimkan kepada alamatnya yang terakhir hendaklah dianggap sebagai telah disampaikan.

### **Penyediaan dokumen untuk diperiksa**

**77.** (1) Menurut seksyen 13 Akta, Koperasi hendaklah menyediakan perkara berikut yang terbuka untuk diperiksa oleh anggota Koperasi sahaja tanpa apa-apa bayaran, pada masa-masa yang munasabah di alamat berdaftar Koperasi-

- (a) suatu salinan Akta dan Peruntukan atau perintah, arahan atau garis panduan;
- (b) suatu salinan Undang-undang Kecil dan akaun teraudit yang terakhir;
- (c) suatu senarai anggota;
- (d) suatu senarai anggota Lembaga;
- (e) nama ketua pegawai eksekutif, jika ada; dan
- (f) suatu senarai pegawai Koperasi yang berkenaan dengan pengurusan Koperasi, jika ada.

(2) Koperasi hendaklah juga menyediakan aturan-aturan aktiviti untuk diperiksa oleh anggota, jika ada.

### **Penyerahan tugas**

**78.** Penyerahan tugas hendaklah dilakukan secara bertulis apabila berlaku pertukaran bagi apa-apa jawatan dalam Koperasi dan disempurnakan dalam tempoh tidak lewat daripada empat belas hari selepas berkuatkuasanya pertukaran itu.

### **Penyerahan tugas**

**79.** (1) Seseorang yang dilantik untuk mewakili Koperasi di dalam apa-apa mesyuarat, seminar, forum atau lawatan sambil belajar atas perbelanjaan Koperasi sama ada di dalam atau di luar negeri, menurut Peraturan, hendaklah mengemukakan laporan ringkas kepada mesyuarat agung perwakilan tahunan yang akan datang yang terawal diadakan bagi Koperasi.

(2) Jika orang itu gagal mengemukakan laporan, dia hendaklah membayar balik semua perbelanjaan yang telah ditanggung oleh Koperasi.

Koperasi berhak mendapatkan balik setiap perbelanjaan tersebut seolah-olah ianya suatu hutang yang kena dibayar kepada Koperasi.

### **Penyerahan tugas**

**80.** Lembaga boleh melantik seorang kenamaan sebagai Yang Dipertua kepada Koperasi. Dia hanya bertindak sebagai penaung dan boleh menghadiri mana-mana mesyuarat yang diadakan oleh Koperasi tetapi tidak mempunyai hak untuk mengundi.

### **Pertikaian**

**81.** (1) Segala pertikaian menurut subseksyen 82(1) Akta, yang menyentuh hal penubuhan, Undang-undang Kecil, pemilihan pegawai,

perjalanan mesyuarat agung, pengurusan atau perniagaan Koperasi hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya, menurut Peraturan.

(2) Mana-mana anggota yang dibuktikan telah membuat pengaduan atau merujuk pertikaianya kepada mana-mana orang selain daripada Suruhajaya hendaklah dianggap telah bertindak dengan cara yang memudaratkan kepentingan Koperasi dan boleh dikenakan tindakan menurut undang-undang kecil 23.

(3) Segala pertikaian selain daripada yang dinyatakan menurut subseksyen 82(1) Akta hendaklah dirujuk kepada mesyuarat agung perwakilan Koperasi untuk penyelesaian. Apa-apa pertikaian yang tidak dapat diselesaikan hendaklah diputuskan oleh Suruhanjaya dan keputusannya adalah muktamad.

### **Pemeliharaan kerahsiaan**

**82.** Anggota Lembaga, pegawai, pekerja, juruaudit atau mana-mana orang yang mempunyai akses kepada maklumat mana-mana anggota yang diperolehi dalam melaksanakan perniagaan atau tugas dengan Koperasi, tidak boleh digunakan untuk kepentingan peribadi dan tidak boleh dizahirkan kepada mana-mana orang tanpa izin anggota melainkan yang dibenarkan oleh undang-undang bertulis.

### **Pembubaran**

**83.** Koperasi hanya boleh dibubarkan dengan perintah Suruhanjaya.

### **Akta, Peraturan dan Undang-undang Kecil**

**84.** (1) Undang-undang Kecil ini adalah dibuat menurut Peraturan dan hendaklah tertakluk kepada peruntukan Akta dan Peraturan. Apa-apa pindaan kepada Undang-undang Kecil ini tidak boleh dibuat

melainkan dengan kehendak atau kebenaran Suruhanjaya. Aturan aktiviti tidak boleh dibuat melainkan dengan kelulusan mesyuarat agung perwakilan.

(2) Apa-apa urusan Koperasi hendaklah tertakluk kepada Akta, Peraturan dan Undang-undang Kecil serta aturan aktiviti dan hendaklah dibaca bersekali.


### **Undang-undang Kecil hendaklah mengikat anggota**

**85.** Menurut seksyen 17 Akta, Undang-undang Kecil ini hendaklah mengikat Koperasi dan anggotanya sehingga takat yang sama seolah-olah Undang-undang Kecil ini telah ditandatangani oleh tiap-tiap anggota dan mengandungi waad pada pihak tiap-tiap anggota bagi dirinya sendiri dan bagi penggantinya untuk mematuhi segala peruntukan Undang-undang Kecil ini.

Diakui Undang-undang Kecil ini telah dibentang, dibincang dan diterima di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi Celcom Berhad bertarikh dua puluh dua haribulan Disember tahun dua ribu dua puluh dua.



.....  
(MOHD MUDASIR ABDULLAH)  
(PENGERUSI)



.....  
(MASTURA BT KAMARUDDIN)  
(SETIAUSAHA)



.....  
(HAZIZI BIN HARUN)  
(BENDAHARI)